



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ هَالِ الْهَوَالِ اَلْاِیْمَالِ اِسْلَامِ نِیْجَرِی سَابَاہ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

26 SYAWAL 1446H/ 25 JUMAAT APRIL 2025M

WASPADA! ANCAMAN AJARAN SESAT

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

Khutbah Pertama

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَتَّبِعُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَن سَبِيلِهِ
ذَٰلِكُمْ وَصَّيْكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٥٣﴾ (الأنعام: 153)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

KAUM MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN!

Saban tahun, kita mendapati terdapat pelbagai aduan dan penyelewengan akidah berlaku khususnya yang melibatkan umat Islam di negara kita yang tercinta ini. Hal ini perlu dikekang dan dibendung, sebelum akidah umat Islam tercemar dengan ajaran-ajaran yang menyimpang dari landasan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berkuatkuasa di negara ini.

Maka oleh sebab itu khatib ingin mengajak Jemaah Jumaat sekalian, marilah kita menguatkan ketakwaan dan keimanan seperti mana yang diperintahkan oleh Allah SWT. Mudah-mudahan, hidup dan mati kita semua, tetap berada dalam akidah Islam yang sejati. Mimbar pada hari ini ingin membicarakan khutbah bertajuk: **“WASPADA! ANCAMAN AJARAN SESAT”**.

JEMAAH JUMAAT YANG DIMULIAKAN!

Mutakhir ini, terdapat segelintir pihak yang kurang mengambil berat soal prinsip akidah yang benar. Bukan sekadar itu, terdapat pihak atau individu yang turut menambah ajaran-ajaran tertentu, kemudian memasukkan

ajaran tersebut ke dalam prinsip Islam supaya tidak kelihatan penyelewengan yang mereka lakukan. Akidah merupakan prinsip tauhid yang sangat penting bagi umat yang beragama Islam. Ia juga adalah asas utama dalam meng-Esakan Allah azza wajalla, selaku Tuhan yang Satu. Hanya dengan akidah yang benar dan kukuh sahaja, kita akan dapat mengenal Allah SWT, melalui perantaraan wahyu yang dibawa oleh junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

Islam adalah agama yang suci hanya bertauhidkan Allah SWT. Manakala, al-Quran, as-Sunnah, Ijma` serta Qiyas, adalah rujukan utama sebagai nas dan dalil dalam menentukan yang manakah ajaran yang benar serta yang manakah ajaran meragukan, salah lagi menyeleweng. Tanpa rujukan-rujukan ini, umat Islam akan menghadapi kesukaran untuk menentukan akidah yang benar. Maka, apakah yang akan berlaku, jika sekiranya akidah umat Islam tidak diambil dari sumber rujukan ini?

Sudah semestinya, kita akan terpesong jauh dari mendapat rahmat dan petunjuk Allah SWT. Malahan, akidah kita akan rosak dengan tersebarnya pelbagai penyelewengan-penyelewengan ajaran yang berlaku. Maka dengan itu, marilah bersama-sama kita hayati firman Allah menerusi surah al-An`aam, ayat 153:

وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَتَّبِعُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَن سَبِيلِهِ
ذَٰلِكُمْ وَصَّكُم بِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٥٣﴾

Maksudnya: *“Dan bahawa sesungguhnya inilah jalan-Ku (agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menurut menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) menceraikan kamu dari jalan Allah, Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu bertaqwa”.*

SIDANG JEMAAH JUMAAT SEKALIAN!

Apakah yang dimaksudkan dengan ajaran sesat? Ajaran sesat adalah sebarang amalan yang didukung oleh orang Islam atau orang bukan Islam terhadap sesuatu ajaran dan fahaman yang hakikatnya ia jelas bertentangan dengan ajaran dan akidah agama Islam yang muktabar yakni Ahli Sunnah Wal Jamaah. Istilah **ajaran sesat** merupakan istilah

yang bersifat dinamik dan relatif. Hal ini kerana, terdapat banyak takrifan dan definisi yang diberikan oleh pelbagai pihak.

Menurut Kamus Dewan, pengertian “SESAT” diertikan sebagai tidak mengikuti landasan yang benar, tersalah jalan, terkeliru serta menyimpang dari jalan yang benar. Gejala ajaran sesat adalah sejenis virus yang menjangkiti masyarakat Islam supaya mereka terpesong dari akidah yang benar. Justeru itu, isu ajaran sesat merupakan isu yang sangat penting untuk diambil perhatian serius kerana ia mampu mengancam akidah umat Islam.

Antara ciri-ciri ajaran sesat pula adalah seperti berikut:

1. Mempertikai kebenaran al-Quran dan Hadis.
2. Mengubah ayat-ayat al-Quran.
3. Mendakwa diri sebagai Nabi atau Rasul.
4. Mendewakan diri seseorang yakni menanggapi diri seseorang secara berlebihan, punya karamah dan sebagainya sehingga tanpa disedari melakukan perbuatan syirik.
5. Mencipta hukum hakam yang baharu.
6. Memansuhkan kewajipan dalam syariat Islam.

PARA JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI SEKALIAN!

Memelihara akidah umat Islam pada akhir zaman ini, bukanlah tugas pihak berkuasa Jabatan agama tempatan semata-mata, ataupun tugas pendakwah, ustaz dan ustazah sahaja. Hakikatnya, semua pihak dan masyarakat perlu bersatu padu dan menggembelng tenaga serta usaha untuk bersama-sama menjaga keaslian tauhid hanya kepada Allah SWT sahaja. Justeru itu, Baginda Nabi SAW’ telah memperingatkan kita akan kepentingan berpegang pada petunjuk sunnah seperti sabdanya yang **bermaksud:**

“Hendaklah kamu bertakwa kepada Allah, mendengar dan taat meskipun kepada hamba Habsyi. Dan, sepeninggalanku nanti, kamu akan melihat perselisihan yang sangat dahsyat, maka hendaklah kamu berpegang dengan sunnahku dan sunnah para Khulafa` ar-Rasyidin yang mendapat petunjuk. Gigitlah sunnah itu dengan gigi geraham, dan jangan kamu mengikuti perkara-perkara bid`ah (agama) yang dibuat-buat, kerana sesungguhnya bid`ah itu adalah sesat”. (HR. Ibnu Majah)

Atas dasar itulah, Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah sehingga kini telah mewartakan sebanyak 17 kumpulan atau ajaran yang difatwakan sesat dan menyeleweng dari akidah umat Islam yang sebenar. Antaranya, ajaran sesat **Qadiani, Islam Jama'ah, Syiah, aliran dan dakyah Wahabiah, Black Metal, Hizbut Tahrir, fahaman Liberalisme dan Pluralisme, Gerakan Muhammadiyyah Wahabiyyah dan Itba' al-Sunnah, Kumpulan Tal Tujuh, Ajaran Bahai, Tariqat Hasaniah, ISIS, Ajaran Ilmu Makrifat, Millah Abraham, al-Arqam, Ajaran Pertubuhan Rahmatan Lil Alamin dan Global Ikhwan.**

Oleh yang demikian, mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpul adalah dilarang dan diharamkan untuk berpegang pada fahaman atau ajaran salah. Sesiapa sahaja yang melakukan hal tersebut seperti yang termaktub di dalam Warta Kerajaan Negeri Sabah, adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Sabah 1995 Seksyen 52 (Ajaran Salah) yang memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi tiga (3) tahun atau denda tidak melebihi lima (5) ribu ringgit atau kedua-duanya sekali. Segala bahan terbitan, karya, tulisan atau yang berkaitan dengan ajaran tersebut hendaklah dirampas dan dimusnahkan mengikut perintah Mahkamah.

KAUM MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH!

Ajaran yang salah dan menyeleweng, merupakan ancaman kepada akidah suci umat Islam. Hal ini kerana, setiap ajaran sesat yang diasaskan atau dibawa oleh mana-mana pihak, pada hakikatnya telah mencemarkan akidah umat Islam yang sejati. Oleh yang demikian, kita tidak boleh membiarkan hal ini terus-menerus terjadi di negeri kita yang tercinta ini. Justeru mimbar menasihatkan agar setiap lapisan masyarakat perlu peka dan cakna akan soal agama supaya terhindar dari penyelewengan akidah songsang pada zaman ini. Terdapat beberapa langkah proaktif yang boleh diambil untuk mengekang penyebaran ajaran sesat ini, antaranya ialah:

1. Menyampai ilmu akidah yang benar melalui ceramah atau majlis ilmu daripada penceramah yang bertauliah.
2. Merujuk Jabatan Agama Islam atau Pejabat Mufti tentang sesuatu ajaran yang baharu.
3. Menanamkan sifat ikhlas mengamalkan ajaran Islam yang benar.

4. Sentiasa beramal mengikut sunnah Rasulullah SAW.
5. Rajin bertanya soal agama kepada Ahli Ilmu yang benar dan jujur.

Menutup tirai khutbah pada minggu ini, khatib berpesan adalah menjadi kewajiban setiap Muslim untuk berpegang teguh kepada ajaran Islam yang murni dan tidak terpengaruh dengan ajaran-ajaran sesat yang menyeleweng dari kebenaran. Menjaga akidah adalah menjaga keselamatan iman dan masa depan akhirat. Maka, marilah kita berusaha memahami agama dengan ilmu yang sahih, mendekatkan diri kepada Allah dan menjauhkan diri dari sebarang bentuk kesesatan yang boleh merosakkan akidah keimanan kita. Allah SWT berfirman dalam surah An-Nahl ayat 36:

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنِ اعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنِبُوا الصَّلُوتَ فَمِنْهُمْ مَّنْ هَدَى اللَّهُ وَمِنْهُمْ مَّنْ حَقَّتْ عَلَيْهِ الضَّلَالَةُ فسيروا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكْذِبِينَ ﴿٣٦﴾

Maksudnya: “Dan sesungguhnya Kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang Rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): "Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah Taghut". Maka di antara mereka (yang menerima seruan Rasul itu), ada yang diberi hidayah petunjuk oleh Allah dan ada pula yang berhak ditimpa kesesatan. Oleh itu mengembaralah kamu di bumi, kemudian lihatlah bagaimana buruknya kesudahan umat-umat yang mendustakan Rasul-rasulnya.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوك بَكِينِدَا يَغْ دَفَرْتَوَانِ أَكُوغْ وَكَذَلِكَ عَلَى فَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَفَرْتَوَانِ نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ أَمْنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara kami yang dizalimi di bumi barakah Palestin, kasihani dan limpahkanlah Rahmat-Mu ke atas mereka.

Ya Allah! Naungilah kehidupan, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan,

mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَا تَكْفُرُوا بِاللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127](tel:088-522127) / jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.